



SIARAN AKHBAR

PELANJUTAN LANGKAH-LANGKAH INTERIM SEKTOR PERBANKAN

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDBC) ingin memaklumkan bahawa pemberian bantuan yang ditawarkan oleh sektor perbankan kepada peniaga-peniaga dan individu-individu yang terkesan akibat wabak COVID-19 akan dilanjutkan tempohnya hingga 31^{hb} Disember 2021.
2. Sejak 1^{hb} April 2020, bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan telah menawarkan beberapa jenis bantuan bagi meringankan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh peminjam. Bagi tempoh 1^{hb} April 2020 hingga 31^{hb} Disember 2020, sebanyak 2,014 permohonan telah diberikan bantuan, dan 436 permohonan telah diberikan bantuan bagi tempoh 1^{hb} April 2021 hingga 30^{hb} Jun 2021. Sebilangan besar telah memilih bantuan berbentuk penangguhan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan buat sementara waktu [*temporary deferment*].
3. Dengan lanjutan pemberian bantuan ini, BDCB akan meneruskan pemberian kelonggaran terhadap beberapa peraturan perbankan bagi menggalakkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk menawarkan bantuan yang bersesuaian kepada peminjam yang terkesan, tertakluk kepada penilaian pihak bank-bank dan syarikat kewangan. Bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan juga tidak akan mengenakan semua bayaran dan caj bank, kecuali caj pihak ketiga bagi transaksi-transaksi yang berkaitan. Jenis-jenis bantuan *interim* yang dimaksudkan adalah:
 - a. Penangguhan pembayaran balik kemudahan pinjaman/ pembiayaan;
 - b. Penstrukturran semula kemudahan pinjaman/ pembiayaan peribadi dan kemudahan sewa beli seperti pembiayaan kenderaan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun; dan
 - c. Penukaran baki kad kredit kepada pinjaman/ pembiayaan berjangka pendek (*short term loan*) selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun bagi individu-individu yang terkesan di sektor swasta sahaja termasuk mereka yang bekerja sendiri (*self-employed*).
4. Dengan penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, bank-bank dan syarikat kewangan juga akan berusaha untuk memenuhi keperluan kecairan (*liquidity*) peniaga-peniaga yang terkesan melalui kemudahan pinjaman jangka masa pendek, tertakluk kepada penilaian masing-masing.



5. Bank-bank juga akan melanjutkan pengecualian pembayaran yuran dan caj (kecuali caj pihak ketiga) bagi sebarang pemindahan wang antara bank-bank domestik secara atas talian (*online*) untuk semua pelanggan bank hingga 31^{hb} Disember 2021.
6. Dalam kesempatan ini, BDCB juga ingin menasihatkan peminjam-peminjam untuk mempertimbangkan jenis-jenis bantuan yang ditawarkan. Walaupun peminjam diberi pilihan untuk menangguhkan pembayaran balik bulanan mereka, *interest/ keuntungan* mungkin terus bertambah bagi jumlah pinjaman/ pembiayaan yang ditangguhkan. Sebarang pinjaman tambahan juga akan mempunyai kos tambahan melalui caj faedah (*interest/ keuntungan* yang dikenakan. Oleh yang demikian, peminjam disarankan untuk mempertimbangkan terlebih dahulu jika bantuan adalah benar-benar diperlukan dan untuk mendapatkan maklumat daripada bank dan syarikat kewangan mengenai pilihan yang ada serta kesesuaian pilihan yang ditawarkan. Peminjam yang berupaya untuk meneruskan pembayaran kemudahan pinjaman/ pembiayaan secara penuh adalah digalakkan untuk meneruskan pembayaran tersebut untuk mengelakkan hutang-piutang terkumpul.
7. BDCB ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam adalah kekal berdaya tahan, kukuh dan mempunyai dana modal yang mencukupi. BDCB akan terus memantau kedayaatahanan sektor perbankan termasuk bantuan yang dihulurkan pada tempoh bantuan tersebut.
8. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan secara langsung atau BDCB di 8318388 atau info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 4^{hb} Muharam 1443 / 13^{hb} Ogos 2021

Rujukan: BDCB/COMMS/3